



BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT | KRAFTANGAN MALAYSIA  
KOMPLEKS KRAF KUALA LUMPUR | JALAN CONLAY | 50450 KUALA LUMPUR  
TEL : 03 - 2162 7459 | FAKS : 03 - 2161 3773 | [www.kraftangan.gov.my](http://www.kraftangan.gov.my) |   KRAFTANGAN MALAYSIA

## SIARAN MEDIA

### JELAJAH KRAF MALAYSIA DI SEMPORNA, SABAH

**SEMPORNA, 24 JUN 2025** - Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) agensi di bawah Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) hari ini mengadakan Program Jelajah Kraf Malaysia bersama Media Massa. Program ini disempurnakan oleh Yang Berbahagia Dato' Shaharuddin bin Abu Sohot, Ketua Setiausaha MOTAC bagi meninjau perkembangan semasa industri kraf, di samping memperkukuh jalinan kerjasama antara industri kraf dengan pihak media sebagai penyampai maklumat kepada masyarakat.

Turut hadir, Yang Berbahagia Dato' Mohd Yusri bin Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) MOTAC. Hadir sama, Yang Berbahagia Datuk `Ainu Sham binti Haji Ramli, Ketua Pengarah Kraftangan Malaysia, Yang Berusaha Encik Abdul Halim bin Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Kraftangan Malaysia dan Encik Abd Rahman bin Omar, Pengarah Kraftangan Malaysia Cawangan Sabah.

Pada Program Jelajah Kraf Malaysia, tetamu kehormat dan media massa melawat tiga orang usahawan kraf yang berdaftar di bawah Kraftangan Malaysia. Usahawan kraf yang dilawati ialah Usahawan Kraf Anyaman Pandan, Puan Roziah binti Jalalid di Pulau Omodal. Produk kraf yang diketengahkan adalah anyaman tikar pandan dan beg.

Lawatan ini seterusnya ke Pulau Bum-Bum untuk melihat perusahaan pembuatan kraf oleh Usahawan Kraf Ukiran Kayu Perahu Lepa Miniature, Encik Rafi bin Berahim serta Usahawan Kraf Baju Tradisi Suku Kaum Bajau Semporna, Puan Narimah binti Tamjiji.

Terdapat lima bidang kraf di Daerah Semporna iaitu kraf tekstil (batik, jahitan tradisi dan sulaman manik), hasil rimba (daun pandan, kayu, rotan dan rumbia), hasil tanah (seramik), hasil logam (besi) dan aneka kraf (cengkerang, manik dan mutiara). **-TAMAT-**